

NOTA PERCAKAPAN Pengerusi

MAJLIS GERAK MULA PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN TEGAR KELUARGA MALAYSIA (BMTKM) LOKALITI KAMPUNG RHU MUDA & KAMPUNG PANTAI SEBERANG MARANG, TERENGGANU

Tarikh : 15 Ogos 2022 (Isnin)
Masa : 10.30 pagi – 12.30 tengahari
Tempat : Bilik Gerakan
Pejabat Daerah dan Tanah Marang
Pengerusi : YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Ekonomi)

PERUTUSAN Pengerusi

Assalamu'alaikum dan selamat sejahtera.

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua ke Majlis Gerak Mula Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) bagi lokaliti Kampung Rhu Muda dan Kampung Pantai Seberang Marang, Terengganu pada pagi ini.
2. Setinggi penghargaan kepada wakil Pejabat Ahli Parlimen Marang, wakil Ahli Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang serta semua yang sudi meluangkan masa bagi menghadiri majlis yang sungguh bermakna ini.
3. BMTKM adalah merupakan program yang dirangka khusus untuk KIR miskin tegar dalam usaha membasmi kemiskinan tegar di seluruh negara pada akhir tahun 2025. Ini bermakna, pada bulan Januari 2026, Kerajaan berhasrat untuk mengumumkan bahawa tiada lagi rakyat dalam kategori miskin tegar.

4. Berdasarkan data eKasih sehingga 31 Julai 2022 yang dikeluarkan oleh ICU, JPM, terdapat seramai 136,923 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar di seluruh negara. Negeri Terengganu mencatatkan jumlah miskin tegar seramai 5,825 Ketua Isi Rumah. Justeru, Kerajaan berpandangan perlu ada strategi khusus yang lebih berfokus untuk menghapuskan miskin tegar di seluruh negara, termasuk di negeri Terengganu.
5. Program pembasmian kemiskinan telah mula diberi perhatian pada tahun 1970-an melalui Dasar Ekonomi Baharu. Ini bermakna program berkaitan kemiskinan bukanlah sesuatu yang baharu. Walau bagaimanapun, di bawah BMTKM, kaedah dan pendekatan dalam membasmi kemiskinan adalah berbeza dan menggunakan kaedah untuk melaksanakannya secara berpakat.
6. Perbezaan kaedah dan pendekatan yang dimaksudkan adalah yang lebih holistik berasaskan pendekatan keseluruhan negara, semua kerajaan negeri yang diterajui oleh Unit atau Bahagian Perancangan Ekonomi serta pejabat daerah akan melaksanakan BMTKM bersama pelbagai pihak daripada sektor swasta dan industri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan masyarakat sivil (CSO), dan organisasi berasaskan komuniti (CBO).
7. Untuk makluman, sejurus selepas Jemaah Menteri meluluskan BMTKM pada 13 April 2022, EPU, JPM telah mengadakan lebih daripada 20 sesi mesyuarat termasuk secara maya dan lawatan turun padang ke lokaliti rintis BMTKM bagi fasa pertama. Tujuan utama mesyuarat dan lawatan turun padang diadakan adalah untuk memperincikan program yang dirangka secara khusus dan bersasar untuk ketua isi rumah (KIR) dan ahli isi rumah (AIR) miskin tegar.
8. Susulan itu, EPU, JPM melalui Jawatankuasa Penilaian dan Perakuan yang turut disertai oleh ICU, JPM melaksanakan penilaian dan perakuan ke atas permohonan program yang dikemukakan oleh pejabat daerah melibatkan 80 lokaliti secara rintis. Berdasarkan maklumat terkini, permohonan melibatkan 64 lokaliti telah dinilai dan diperaku termasuk lokaliti Kampung Rhu Muda, Terengganu.

9. Terdapat seramai 12 KIR miskin tegar di lokaliti Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang ini. Sebanyak 2 program peningkatan pendapatan yang melibatkan 12 KIR miskin tegar telah diperaku untuk pelaksanaan. Programnya adalah program kiosk makanan laut dan produk hasil laut serta program minda/motivasi dan pengurusan kewangan. Sekiranya peserta memberikan komitmen sepenuhnya dan program dilaksanakan berdasarkan perancangan yang dibuat, program ini dijangka akan meningkatkan pendapatan peserta seawal dalam tempoh 6 bulan.
10. Majlis Gerak Mula BMTKM pada pagi ini adalah permulaan pelaksanaan BMTKM bagi yang merupakan lokaliti ke-40 di Malaysia dan ketiga di Terengganu yang telah mengadakan Majlis Gerak Mula BMTKM. Majlis Gerak Mula BMTKM bagi lokaliti negeri Terengganu sebelum ini telah dilaksanakan di 2 buah lokaliti pada 19 Jun 2022 (Ahad), iaitu Kampung Pengkalan Atap, Besut dan Kampung Sungai Lerek, Setiu dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini bertujuan memberi taklimat ringkas serta mengadakan sesi tandatangan aku janji oleh peserta.
11. Aku Janji ini bukanlah dokumen yang akan mengikat peserta secara sah dari segi perundangan (bukan surat *lawyer*). Matlamat utama dokumen Aku Janji ini adalah untuk memastikan setiap peserta BMTKM menghargai dan memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui program BMTKM bagi menambah pendapatan diri dan keluarga.
12. Perlu diingatkan BMTKM bukanlah bantuan berbentuk kebajikan (*welfare*). Peserta yang menerima bantuan BMTKM perlulah bekerja bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pendapatan dan keluar daripada kepompong kemiskinan tegar. Bantuan seperti peralatan, modal perniagaan dan kursus haruslah dimanfaatkan sepenuhnya.
13. Selain itu, peserta BMTKM turut digalakkan untuk menguruskan wang dengan baik. Bagi tujuan ini, kami telah mewajibkan agar semua peserta perlulah menghadiri kursus pengurusan kewangan.

14. Sejurus selepas majlis ini, saya menyarankan agar Pejabat Daerah dan Tanah Marang mengenal pasti ketua pasukan bagi BMTKM di daerah ini. Memandangkan pegawai daerah pada kebiasaannya dibebani dengan pelbagai tugas, penolong pegawai daerah adalah individu paling sesuai untuk mengetuai program ini di Marang.
15. Ketua pasukan yang dilantik perlu mengenal pasti dan melantik ahli Jawatankuasa Pemantauan BMTKM Peringkat Daerah dan mengadakan mesyuarat pertama dengan segera berdasarkan Agenda mesyuarat pertama yang telah pun diedarkan oleh EPU, JPM seperti berikut:
 - (i) Melantik ahli tambahan JKP BMTKM di Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang bagi memantapkan tadbir urus BMTKM;
 - (ii) Memaklumkan terma rujukan JKP BMTKM bagi lokaliti Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang ;
 - (iii) Mengesahkan senarai peserta KIR dan AIR miskin tegar di Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang yang diperolehi daripada sistem eKasih;
 - (iv) Memberi taklimat dan penjelasan kepada KIR miskin tegar mengenai falsafah dan hasrat BMTKM;
 - (v) Memuktamadkan mekanisme pemprosesan rayuan daftar ke dalam eKasih bagi KIR miskin tegar;
 - (vi) Menyenaraikan projek/program pembasmian kemiskinan sedia ada beserta kementerian/agensi yang terlibat;
 - (vii) Mengenal pasti gerak kerja dan proses pemantauan pelaksanaan BMTKM;
 - (viii) Mengambil tindakan intervensi bagi mengatasi isu/masalah berbangkit dengan berkesan;

- (ix) Menyediakan laporan lengkap hasil mesyuarat JKP BMTKM bagi lokaliti Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang kepada EPU dan ICU.
16. Penglibatan semua pihak secara menyeluruh adalah penting terutama pemimpin setempat dan penggerak masyarakat yang mampu memikul tugas untuk membimbing dan memberi galakan kepada anak buah mereka.
 17. Saya menggalakkan seorang KIR miskin tegar bagi setiap program di Kampung Rhu Muda & Kampung Pantai Seberang Marang dilantik sebagai ketua program. Bermakna program kiosk makanan dan produk hasil laut perlu ada seorang ketua dan program pembangunan minda/motivasi dan pengurusan kewangan perlu ada seorang lagi ketua.
 18. Saya berharap pihak Pejabat Daerah dan Tanah Marang serta semua pihak terlibat telah bersedia untuk menyahut cabaran BMTKM ini.
 19. Mengambil kira pelan pembangunan negara yang berlandaskan “Malaysia makmur, inklusif dan mampan”, Kerajaan komited dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan inisiatif berkaitan pembasmian kemiskinan tegar demi kesejahteraan keluarga Malaysia.
 20. Saya berharap agar setiap ahli dalam jawatankuasa peringkat daerah ini dapat memberikan komitmen yang tinggi untuk membimbing dan memantau penglibatan KIR miskin tegar untuk meningkatkan pendapatan secara mampan dan seterusnya mencapai hasrat kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar pada akhir tahun 2025.

Sekian, terima kasih.